

DBKL edar lebih 40,000 Jalur Gemilang sempena HKHM

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengedarkan lebih 40,000 Jalur Gemilang bagi menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2024 di ibu negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata bendera itu akan diedarkan kepada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, ma-

jlis perwakilan penduduk, persatuan penduduk dan institusi pendidikan.

“Ini antara satu galakan kepada penghuni rumah di Kuala Lumpur mengibarkan satu Jalur Gemilang bagi setiap rumah untuk meningkatkan rasa kebersamaan menyambut Hari Kebangsaan. Jadi, penduduk di sekitar ibu negara boleh dapatkan bendera ini di pusat perkhidmatan di setiap Parlimen,” katanya.

Beliau berkata demikian

kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang bersempena sambutan Bulan Kebangsaan 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Karnival Santai Keluarga 50WP Temu DBKL @ Wangsa Maju di sini semalam.

Dr Zaliha mengedarkan Jalur Gemilang kepada 11 wakil Parlimen di Kuala Lumpur pada majlis yang turut dihadiri Datuk Bandar Kuala Lumpur

Datuk Kamarulzaman Mat Salleh.

Beliau berkata pengedaran Jalur Gemilang itu akan diperluaskan ke Labuan dan Putrajaya selepas ini.

Dalam pada itu, beliau berkata pelbagai program dirangka DBKL sepanjang Bulan Kebangsaan termasuk kempen dan pertandingan kibar Jalur Gemilang serta pertandingan pencahayaan untuk bangunan-bangunan di sekitar Kuala Lumpur. — Bernama